

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	09/01/2018

# PKR Selangor tolak keputusan pilih Dr M

➔ Parti perlu calonkan nama lain pegang jawatan PM

Oleh Iwan Tun Tuah, Khairul Azran Hussin dan Mohd Izham Unnip Abdullah  
bhnews@bh.com.my

**P**KR Selangor menolak keputusan pakatan pembangkang yang memilih Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri jika pakatan itu menang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Ketua Biro Komunikasi PKR Selangor, Hizwan Ahmad, berkata pihaknya kecewa dan terkilan dengan keputusan janggal itu yang disifatkan tidak sejajar dengan semangat reformasi yang sekian lama diperjuangkan.

Katanya, parti perlu mengangkat calon baharu sebagai Perdana Menteri, bukannya Dr Mahathir.

"PKR Selangor berasa amat janggal untuk mengakui baha-

wa selepas begitu panjang tempoh perjuangan kita, parti ini tidak mampu untuk mengangkat seorang tokoh sendiri. Golongan milenium mahu melihat seorang tokoh segar dan kaya dengan buah fikiran yang berpandangan jauh.

"Sedang kami menghormati keputusan pimpinan tertinggi Pakatan Harapan, izinkan juga kami menyatakan pendirian yang berbeza. Biarlah ia terakam dalam lipatan sejarah suatu hari nanti," katanya dalam satu kenyataan semalam.

## Ketandusan calon

Kenyataan itu dikeluarkan tidak sampai tempoh 24 jam selepas pakatan pembangkang mengumumkan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PBBM) sebagai calon perdana menteri dan Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, sebagai calon timbalan perdana menteri.

Hizwan juga yakin rakyat dan penggerak Reformasi 1998 tidak akan melupakan sejarah, sekaligus menuntut reformasi sepenuhnya dilakukan dalam semua aspek.

Di Seremban, Pengerusi PAN Negeri Sembilan, Zulkefly Mohamad Omar, mengakui paka-

tan pembangkang ketandusan calon sehingga terpaksa menerima Dr Mahathir sebagai calon perdana menteri.

Katanya, walaupun pembangkang mahu Anwar menjadi Perdana Menteri, keadaan belum mengizinkan untuk berbuat demikian.

"Beliau masih dalam penjara dan kalau kita calonkan beliau, nanti apa kata orang. Kalau kita mahu letakkan calon lain, ramai yang masih muda dan penyokong (pembangkang) mungkin tidak setuju dan memper-tikaikan tindakan itu.

"Dalam keadaan sekarang, kita setuju letak Dr Mahathir (sebagai calon) tapi kita mahu beliau menyerahkan jawatan itu kepada Anwar melalui proses yang sewajarnya selepas menang PRU-14," katanya.

## Tindakan terdesak

Di Kota Kinabalu, Presiden Parti Harapan Rakyat Sabah (Harapan Rakyat), Datuk Lajim Ukin, berkata tindakan mencalonkan Dr Mahathir sebagai perdana menteri menggambarkan kelemahan gabungan itu.

Katanya, Dr Mahathir sepatutnya bersara terus daripada politik kerana pernah menjadi Perdana Menteri yang paling lama, selain usia yang sudah

lanjut.

"Saya tidak faham, Tun Dr Mahathir sudah menyatakan untuk bersara dalam politik. Kalau dia sebagai penasihat atau apa saja jawatan (lain) pada saya masih boleh diterima.

"Tapi bila dia dicalonkan (se-mula) sebagai perdana menteri sedangkan dia pernah menjadi perdana menteri lebih 20 tahun dan sudah meninggalkan jawatan itu hampir 10 tahun, saya fikir ia suatu tindakan yang terdesak," katanya dalam satu kenyataan.

Lajim berkata, walaupun kedudukan itu hanya bersifat sementara sebelum diserahkan kepada pemimpin lain seperti Anwar, ia pendekatan tidak wajar.

Katanya, rakyat khususnya di Sabah bijak menilai apa yang berlaku dan keputusan sama ada mahu Dr Mahathir dilantik semula sebagai perdana menteri atau tidak, terletak sepenuhnya di tangan rakyat.

Lajim berkata, negara akan menjadi tidak stabil jika berlaku pertukaran perdana menteri dalam tempoh singkat.

Katanya, keadaan itu dibuktikan dalam sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah selama dua tahun yang pernah dilaksanakan sebelum ini.

BH-9/1/2018 PG-8